

14 MAY 1997

Anwar-Pilihan raya

RAKYAT PERLU AMBIL BERAT PILIHAN RAYA KECIL

TELUK INTAN, 14 Mei (Bernama) -- Rakyat perlu mengambil berat dan turun mengundi pada setiap pilihan raya kecil walaupun Barisan Nasional (BN) telah memenangi majoriti dua pertiga kerusi Parlimen pada pilihan raya umum lepas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kemenangan majoriti itu tidak bermakna kerajaan BN kuat dan oleh itu rakyat perlu terus mengundi calon BN bagi mengukuhkan lagi kerajaan yang ada, katanya pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) San Min dan juga di acara yang sama di Sekolah Kebangsaan Kampung Bahagia di sini petang ini. Jarak di antara kedua-dua sekolah ialah lapan kilometer.

Katanya rakyat sering berpendapat pilihan raya kecil adalah perkara mudah kerana tidak akan memberi sebarang kesan kepada kedudukan Presiden BN sebagai Perdana Menteri.

Pilihan raya kecil merupakan satu ukuran bagi menentukan sokongan rakyat kepada dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang, katanya.

"Rakyat perlu mengubah sikap mengatakan walaupun kita kalah dalam pilihan raya kecil namun kita tetap menang juga memandangkan kedudukan majoriti yang dipegang oleh kerajaan sekarang dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap Perdana Menteri dan adalah susah sekiranya sikap ini terus diamalkan," katanya.

Anwar juga mengingatkan rakyat supaya tidak menerima sikap ekstrim parti pembangkang.

"DAP telah menimbulkan banyak angkara dan kekacauan dan ini adalah cukup negatif. Terutama sikap mereka yang anti semua projek kerajaan dan tidak bersikap membina langsung.

"Jika semua rakyat mengikut sikap ekstrim parti pembangkang, apa nak jadi (dengan negara ini)," katanya.

Beliau berkata parti DAP sentiasa tidak senang dengan sebarang tindakan yang diambil kerajaan contohnya jika kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap kakitangan kerajaan yang rasuah, dikatakannya kerajaan menggalakkan rasuah dan jika diambil tindakan terhadap mereka yang bersalah (dengan rasuah), katanya kerajaan semuanya rasuah.

Anwar berkata sebenarnya kerajaan BN merupakan sebuah kerajaan yang tegas dalam mengambil tindakan terhadap sesiapa yang bersalah baik yang kecil ataupun besar.

Selain itu katanya, kerajaan menjalankan projek pembangunan mengikut kemampuan kewangan termasuk melaksanakannya secara berperingkat-peringkat.

Beliau menafikan dakwaan kononnya kerajaan hanya meluluskan projek pembangunan apabila menghadapi pilihan raya. -- BERNAMA

HK RON